

## SIARAN MEDIA

### **MSM PRAI BERHAD TERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN PERNIAGAAN PULAU PINANG (PENANG BUSINESS EXCELLENCE AWARD)**

Sempena Sidang Kemuncak 'Penang Future Forward' 2023

**KUALA LUMPUR, 15 MAC, 2023** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis nasional, berbesar hati untuk berkongsi bahawa anak syarikatnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai) menerima Anugerah Kecemerlangan Perniagaan Pulau Pinang daripada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak pada Sidang Kemuncak 'Penang Future Forward' 2023 yang diadakan semalam. Sidang kemuncak itu menghimpunkan pemain utama perniagaan dalam membentuk masa depan Pulau Pinang yang mampan dan mengenal pasti cabaran utama, menilai isu strategik dan peluang baharu di negeri itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata perjalanan MSM bermula selepas merdeka pada 1959, misi tunggalnya waktu itu adalah untuk menubuhkan kilang penapisan gula pertama di negara ini yang terletak di Prai, Pulau Pinang kerana lokasinya yang strategik. Paling penting untuk matlamat ini ialah ekonomi yang mampu diri, dengan mengambil alih kawalan ke atas sumber dan komoditi negara yang sebahagian besarnya dimiliki entiti asing pada masa itu dan Malaysia masih bergantung kepada gula bertapis yang diimport.

“Selama lebih 50 tahun, MSM telah memberi sumbangan yang besar dengan terus mengekalkan kebolehpercayaan bekalan gula untuk Malaysia, dalam masa yang sama memastikan keterjaminan makanan dan sebagai pembekal bahan mentah untuk pengeluar Makanan & Minuman barangan pengguna cepat laris (FMCG) selain memenuhi keperluan pengguna. Pelaburan asing dalam FMCG bagi segmen Makanan & Minuman bergantung pada pengeluaran gula tempatan untuk kemampuan perniagaan. Import sentiasa berisiko dan tidak menjamin kemampuan perniagaan. Selama ini kami telah membina reputasi yang kukuh untuk kualiti produk dan kebolehpercayaan perkhidmatan di seluruh dunia, dengan itu ia



mbolehkan pelanggan kami fokus kepada aspek teras produk mereka. Kini, Kumpulan MSM berbangga dengan produk utamanya - 'Gula Prai', jenama ikonik keluaran tempatan di Malaysia dan menjadi pilihan ketiga paling popular untuk pengguna selepas Maggi dan Milo berdasarkan laporan cerapan data Kantar,” tambah beliau.

Anugerah Kecemerlangan Perniagaan Pulau Pinang dianugerahkan kepada syarikat terkemuka di Pulau Pinang yang telah menunjukkan kecemerlangan perniagaan dan mencatatkan pencapaian menyumbang kepada komuniti perniagaan dan masyarakat tempatan melalui tanggungjawab sosial korporat mereka serta dalam Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Antara program khidmat komuniti dan ESG terkini yang dilaksanakan oleh MSM Prai dengan jayanya ialah menandatangani Sijil Kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang bagi membolehkan inisiatif hijau dalam memelihara dan memulihara alam sekitar, memenangi tempat ketiga dalam kategori Industri untuk Pertandingan *Household E-Waste Collection Hero* dengan hampir 500kg sisa elektronik yang dikumpul oleh warga kerja MSM Prai, menanam sebanyak 900 anak pokok bakau di bawah kerjasama JAS Pulau Pinang dan Persatuan Kebajikan Nelayan-nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA) serta menyumbang zakat wakalah untuk nelayan asnaf melalui PIFWA.

“Bagaimanapun, pada masa ini, di bawah harga siling terkawal yang diwartakan untuk segmen runcit, industri penapisan gula tempatan tertekan dengan kos input yang tinggi sejak 18 bulan lalu serta margin negatif. Di harap, kerajaan baharu dapat membenarkan industri penapisan gula tempatan beroperasi dengan mencatatkan keuntungan sambil menyediakan gula mampu milik bukan sahaja untuk pengguna tetapi pemain industri,” tambah Syed Feizal.

Mula beroperasi pada tahun 1964, kilang penapisan gula MSM Prai di Pulau Pinang adalah kilang penapisan gula terbesar di negara ini dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis. Sebagai syarikat penapis gula pertama di Malaysia, penubuhan MSM Prai sudah pasti menyumbang kepada pembangunan landskap ekonomi di Pulau Pinang. Kini, MSM bukan sahaja



membekalkan gula di dalam negara tetapi juga memenuhi pasaran antarabangsa seperti Australia, China, Indonesia, Korea Selatan, New Zealand, Pakistan, Singapura dan Vietnam.

**-TAMAT-**

#### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

#### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

#### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)